

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 29 JUN 2019 SEHINGGA 5 JULAI 2019



HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH
29 JUN 2019 SEHINGGA 5 JULAI 2019



HARGA RUNCIT PRODUK PETROL **RON95** DAN **DIESEL** BAGI TEMPOH DI ATAS ADALAH **DIKEKALKAN** PADA PARAS **RM2.08** SELITER DAN **RM2.18** SELITER BERIKUTAN KEPUTUSAN KERAJAAN

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 29 Jun 2019 sehingga 5 Julai 2019 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 11 sen seliter iaitu daripada RM2.38 seliter kepada RM2.49 seliter;
2. harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter; dan
3. harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter.

Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya adalah sebanyak RM2.19 seliter dan RM2.28 seliter masing-masing. Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk adalah dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dalam tempoh 29 Jun 2019 sehingga 5 Julai 2019 adalah berjumlah RM75.16 juta.

Produk	Harga Jualan Runcit Berdasarkan APM (RM/liter)	Harga Jualan Runcit Yang Ditetapkan (RM/liter)	Anggaran Tanggungan Subsidi Kerajaan Bagi Tempoh 29 Jun 2019 Sehingga 5 Julai 2019 (RM' juta)
RON97	2.49	2.49	Tiada
RON95	2.19	2.08	54.52
Diesel	2.28	2.18	20.64
Jumlah Keseluruhan			75.16

Sayangi Malaysiaku!

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
28 Jun 2019

Like Be the first of your friends to like this.

.....